

# 4,500 ikrar derma organ diterima

Berita HARIAN (18/09/2022) M/S 14

## Inisiatif menerusi MySejahtera terus dapat sambutan menggalakkan

Oleh Nas Norziela Nasbah  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Sejumlah 4,500 ikrar penderma organ diterima sejak ciri baharu Ikrar Derma Organ menerusi MySejahtera dilancarkan pada 6 September lalu.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, melalui ciapan di Twitter, berkongsi perkembangan itu sambil berharap usaha itu terus disebar.

“4,500 ikrar penderma organ sejak kami lancarkan ciri ini di @my\_sejahtera. Tolong sebar.

“Jadilah pengikrar penderma organ hari ini. Selamatkan lebih

banyak nyawa,” katanya dalam ciapan terbabit.

Kementerian Kesihatan (KKM) baru-baru ini memperkenalkan ciri baharu dalam MySejahtera, yang membolehkan pengguna menjadi pengikrar penderma organ menerusi aplikasi itu.

Langkah berkenaan sebagai usaha KKM untuk meningkatkan kadar penderma organ, selepas Malaysia disenaraikan antara 10 negara dengan kadar pemindahan organ terendah di dunia, tahun lalu.

Ciri baharu Ikrar Derma Organ yang dilancarkan pada 6 September lalu dalam kemas kini MySejahtera baharu (versi 2.0.5) yang membolehkan sesiapa sahaja untuk mengikrarkan atau menarik balik ikrar mereka pada bila-bila masa.

Apabila berikrar, waris terdekat juga akan dimaklumkan.

Menerusi perkongsian di laman Facebook KKM, sambutan rakyat Malaysia adalah sangat

menggalakkan.

“Setakat 3 petang, Isnin lalu, ada 4,500 ikrar dibuat pada MySejahtera. Secara purata, terdapat kira-kira 700 pengikrar penderma organ baharu sehari sejak ciri baharu ini diperkenalkan.

### Proses ikrar jadi mudah

“Ia disumbangkan oleh kemudahan untuk proses ikrar dalam inisiatif ini. Maklumkan jua kepada keluarga anda berkenaan ikrar yang dilakukan,” katanya.

Sementara itu, maklum balas diterima orang ramai melalui Twitter @Khairykj rata-rata melahirkan kesyukuran atas inisiatif yang diambil itu.

@amarekun dalam ciapannya berkata, “Alhamdulillah, memang nak (hendak) buat daripada dulu, cuma proses tak (tidak) pasti macam mana.

@RenalUitm pula berkata, “Terima kasih YB (Khairy) untuk sokongan hebat anda untuk pendermaan organ dan pemindahan.

Anda telah melakukan begitu banyak untuk tujuan tersebut dan telah mewujudkan banyak kesedaran awam mengenai isu yang kompleks ini,” katanya.

Terdahulu, Khairy memaklumkan kadar pendermaan organ dalam kalangan rakyat Malaysia antara 10 negara terendah di dunia.

Berdasarkan Ceraan Derma dan Pemindahan Organ Global, kadar transplantasi di Malaysia hanya 2.84 pembedahan bagi sejuta populasi pada tahun lalu berbanding 5.64 pembedahan dalam 2020.

Statistik terkini pendermaan organ dari Pusat Sumber Transplan Nasional pada Julai lalu hanya 779 penderma organ sebenar selepas kematian sejak 1997.

“Sejak negara kita memulakan perkhidmatan transplantasi pada 1975, sebanyak 2,700 kes transplantasi dijalankan membabitkan pendermaan organ daripada penderma meninggal dunia dan daripada penderma hidup,” katanya.

“Jumlah ini adalah masih ren-

Secara purata, terdapat kira-kira 700 pengikrar penderma organ baharu sehari sejak ciri baharu ini diperkenalkan



Khairy Jamaluddin, Menteri Kesihatan

dah jika dibandingkan dengan jumlah pesakit kegagalan organ tahap akhir yang tinggi di negara ini dengan 10,442 pesakit yang masih menunggu mendapatkan derma organ di Malaysia setakat hari ini,” katanya.